

16 SEP 2002

ATM-Ancaman

ATM ANGGAP PENCEROBOHAN KOMPUTER DAN HASUTAN SEBAGAI ANCAMAN BARU

LUMUT, 16 Sept (Bernama) -- Angkatan Tentera Malaysia (ATM) menganggap pencerobohan komputer dan hasutan oleh anasir tidak sihat sebagai bentuk ancaman dan cabaran baru terhadap keselamatan negara.

Panglima ATM Jeneral Tan Sri Mohd Zahidi Zainuddin berkata selepas tiada lagi ancaman konvensional, dua bentuk ancaman baru itu boleh menjejaskan keselamatan negara jika tidak ditangani.

Katanya pencerobohan komputer adalah bahaya dan mungkin melibatkan sistem maklumat ATM atau kementerian dan agensi kerajaan dan berikutan itu, ATM menubuhkan satu unit khas di Markasnya yang bertanggungjawab meningkatkan sistem teknologi maklumat dan cara menghadapi ancaman yang timbul daripadanya.

Beliau berkata hasutan pula mungkin dilakukan oleh anasir-anasir jahat sama ada dalam atau luar negeri.

"Misalnya, pada 1997 dan 1998 kita menghadapi krisis kewangan. Ini satu bentuk ancaman yang boleh memiskinkan negara-negara seperti kita dan ini di luar kemampuan ATM dan negara," katanya selepas perbarisan Hari ATM ke-69 di Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di sini, hari ini.

Beliau berkata ATM yakin dapat mengatasi ancaman baru itu berdasarkan pengalamannya menamatkan ancaman komunis pada abad lepas.

Mohd Zahidi berkata ATM akan memainkan peranan penting sebagai antara agensi pelaksana di bawah Jawatankuasa Induk menangani Krisis Keganasan yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang ditubuhkan selepas serangan penganas di Amerika Syarikat pada 11 Sept tahun lepas.

"Jawatankuasa ini bertujuan meneliti sebarang perkembangan mengenai isu penganas dan menyelaraskan sebarang tindakan untuk menghadapinya melalui kerjasama pelbagai agensi serta pertukaran maklumat dan risikan," katanya.

Menurutnya ATM akan memberi penekanan terhadap operasi bersama ketiga-tiga perkhidmatan - darat, laut dan udara - bagi menangani sebarang ancaman terhadap keselamatan negara.

"Dalam keadaan krisis sekarang atau pada masa hadapan, kita tidak boleh menjurus pada satu perkhidmatan sahaja. Contohnya, semasa Operasi Al-Maunah, ia melibatkan tentera darat dan udara," katanya.

Katanya usaha terbaru ATM ialah Ops Pasir di perairan Sabah yang melibatkan ketiga-tiga perkhidmatan ATM dengan anggota dan peralatan mereka digerakkan ke situ bagi menangani masalah penganas dari Filipina.

Beliau berkata kerjasama antara ketiga-tiga perkhidmatan itu tidak dapat dielakkan bagi sebarang operasi dalam atau luar negara pada masa depan dan tidak timbul lagi soal perkhidmatan mana yang lebih penting dalam ATM.

Mohd Zahidi berkata ATM juga telah mengenal pasti syarat-syarat perkhidmatan seperti elaun dan insentif yang lebih menarik bagi menarik golongan muda menjadikan kerjaya tentera sebagai pilihan pertama mereka.

Perbarisan Hari ATM itu disertai oleh 31 pegawai dan 760 anggota lain-lain pangkat yang diketuai oleh Komander Aris Hadi Tan Abdullah dari TLDM.

Turut hadir pada majlis itu ialah Panglima Tentera Darat Jen Tan Seri Md Hashim Hussein, Panglima TLDM Laksamana Datuk Mohd Ramly Abu Bakar dan Panglima Tentera Udara Diraja Malaysia Jen Datuk Seri Suleiman Mahmud.

-- BERNAMA

AR NAK

